

# Sedia kerjasama dengan UMSKAL bangun Labuan

BH 24.6.13 4

**Labuan:** Kerajaan sedia bekerjasama dengan Universiti Malaysia Sabah, Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL) dalam usaha membangunkan pulau ini sebagai hab pendidikan di rantau ini.

Ahli Parlimen Labuan, Rozman Isli, berkata ia sejajar dengan kedudukan UMSKAL sebagai gedung ilmu tunggal di Labuan.

"Kerajaan sedia menjalinkan hubungan dengan UMSKAL bagi memastikan ia mampu menjadi hab pendidikan pilihan ramai untuk melanjutkan pengajian mereka.

"Saya juga berharap UMSKAL akan terus menyumbang kepakaran dimiliki pensyarah, kakitangan dan pelajar untuk membangunkan Labuan sebagai hab pendidikan unggul di rantau ini," katanya ketika menerima kunjungan hormat rombongan UMSKAL di kediamannya, semalam.

Kunjungan hormat diketuai Pengarah UMSKAL, Prof Madya Dr Ismail Ali turut dihadiri Dekan Sekolah Sains Informatik Labuan (SSIL), Dr Ag Asri Ag Ibrahim; Pegawai Belia dan Sukan, Gabriel Moinjil; Pegawai Hal Ehwal Pelajar, Suffian Osman dan Penolong Akauntan Kanan, Ruby Zawati Timbang.

Rozman berkata, kehadiran pelajar dan kakitangan UMSKAL dari Sabah, Sarawak dan Semenanjung serta luar negara turut membantu menjana ekonomi tempatan termasuk dalam industri pelancongan, restoran, pengangkutan dan perhotelan serta perniagaan kecil-kecilan.

Sementara itu, Ismail berkata, UMSKAL mengalu-alukan perancangan menukuhkan pengajian minyak dan gas di Labuan sesuai dengan kedudukannya memiliki industri berkenaan seperti PETRONAS dan Asian Supply Base (ASB).